

20 Siswa Guru IPG Kampus Darulaman Hadiri Bengkel Pengacaraan Majlis

Seramai 20 Siswa Guru dari Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman (IPGKDA) telah menghadiri Bengkel Pengacaraan Majlis anjuran Jabatan Pengajian Melayu IPGKDA yang diadakan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Kedah selama dua hari dari 24 hingga 25 September lalu.

Bengkel tersebut dikelolakan oleh Encik Mohamad Azrin bin Hassan dari Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu dan Puan Khairani binti Zainur dari Kolej Sultan Abdul Hamid memfokuskan aspek kepengacaraan majlis dari berkaitan dengan penyediaan skrip pengacaraan dan teknik mengacarakan majlis dengan betul.

Dalam ucapan penutupan bengkel tersebut, Ketua Jabatan Pengajian Melayu, Haji Mohd Shafiee bin Hassan menyatakan, antara objektif bengkel tersebut adalah untuk menyediakan siswa guru sebagai pengacara majlis, khususnya majlis rasmi institut, seterusnya menyediakan siswa guru yang berbakat sebagai pengacara dalam pelbagai majlis peringkat sekolah, daerah dan negeri apabila ditempatkan di sekolah kelak.

“Bengkel ini juga berjaya meningkatkan keyakinan dan ketrampilan diri siswa guru untuk menjadi seorang pengacara. Bimbingan yang diberikan oleh penceramah diharapkan menjadi pengalaman yang berguna sebagai pengacara walaupun masih memerlukan latihan yang berterusan.” ujar beliau lagi.

Bengkel selama dua hari tersebut, turut mendapat bimbingan dua orang fasilitator dari Jabatan Pengajian Melayu iaitu Encik Azman bin Aris dan Haji Mohamad Roslan bin Ghazali.



Peserta bergambar kenangan selepas tamat bengkel



Peserta bengkel dibimbing oleh Azrin Hassan
dari Pejabat Pendidikan Daerah Kubang Pasu